

SOALAN NO. 146

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOF
[SETIU]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusof [Setiu] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan tindakan holistik dalam menghentikan kegiatan manipulasi
kanak-kanak bagi sindiket kegiatan meminta sedekah.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kegiatan manipulasi kanak-kanak bagi sindiket kegiatan meminta sedekah.

Bagi menangani masalah ini, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil beberapa langkah serta tindakan bagi memastikan kanak-kanak tidak digunakan untuk aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan kanak-kanak. Antara usaha-usaha yang dilakukan adalah:

- i. Menjalankan operasi menyelamatkan melalui 3 cara iaitu operasi bersepadu, operasi berkala / berjadual dan *ad hoc* untuk menyelamatkan kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti ini dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, JKM turut bekerjasama dengan

agensi penguatkuasaan yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi membanteras masalah ini.

- ii. Kanak-kanak yang diselamatkan dari aktiviti meminta sedekah boleh diambil ke dalam jagaan di institusi JKM untuk jagaan dan perlindungan di bawah Seksyen 30(1)(d) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Di samping itu terdapat juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah JKM boleh memainkan peranan membantu melindungi kanak-kanak ini.
- iii. Kanak-kanak boleh diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai di bawah Seksyen 30(1)(b) akta yang sama mengikut kesesuaian kes supaya mereka boleh terus hidup dalam suasana kekeluargaan.
- iv. Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka boleh dikenakan tindakan iaitu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak (Pindaan)

2016 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka.

- v. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga ada menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga jika didapati langkah itu bersesuaian dengan kebolehan keluarga untuk meneruskan hidup dan mengelak dari kanak-kanak daripada meminta sedekah yang boleh menjejaskan keselamatan dan masa depan mereka.
- vi. Jabatan turut memberi perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak untuk mengendalikan keperluan emosi kanak-kanak yang menghadapi trauma. Kaunseling kepada keluarga dan program keibubapaan akan turut diberikan bagi memastikan mereka mengetahui aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak.

Tuan Yang Dipertua,

Selain dari itu, kementerian juga telah membuat pindaan terhadap peruntukan Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu meningkatkan hukuman denda dan pemenjaraan sedia ada serta memasukkan Khidmat Masyarakat (*community service*) sebagai hukuman tambahan mandatori

kepada ibu bapa atau penjaga yang telah menyebabkan atau mengakibatkan kanak-kanak untuk mengemis, menerima sedekah, menjaja atau menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 2 tahun kepada 5 tahun, denda dinaikkan daripada RM5,000.00 kepada RM20,000.00 atau kedua-duanya dengan Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori.